



KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF/KETUA PENGARAH HASIL DALAM NEGERI  
(CHIEF EXECUTIVE OFFICER/DIRECTOR GENERAL OF INLAND REVENUE)  
IBU PEJABAT LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA  
MENARA HASIL, ARAS 18  
PERSIARAN RIMBA PERMAI  
CYBER 8  
63000 CYBERJAYA  
SELANGOR

Telefon : 03-83138888  
Faks : 03-83137801  
: 03-83137802  
: 03-83137803  
: 03-83137804  
: 03-83137805  
: 03-83137806

Laman Web: <http://www.hasil.gov.my>

Ruj. Tuan:  
Ruj. Kami: LHDN.BA.B.600-10/3/2  
Tarikh : **30** Jun 2021

Jawatankuasa Bar Kuala Lumpur  
Unit 4.02, Level 4  
Wisma Badan Peguam Malaysia  
No. 2, Leboh Pasar Besar  
**50050 Kuala Lumpur.**  
**(u.p : Encik Viviekanda Sukumaran)**

Tuan,

**MAKLUMBALAS DAN CADANGAN PENAMATAN DAN PENGGUNAAN SISTEM FRANGKI DIGITAL DI KAUNTER DUTI SETEM LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA DAN LAIN-LAIN**

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas dan surat tuan bertarikh 27 Mei 2021 adalah berkaitan.

2. Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) mengucapkan terima kasih kepada pihak tuan atas cadangan penambahbaikan operasi duti setem di LHDNM.
3. Dimaklumkan bahawa keputusan penamatan DFS 2.0 dibuat selaras dengan hasrat LHDNM untuk menjadikan sistem sedia ada iaitu *Stamp Assessment And Payment System* (STAMPS) sebagai sistem utama dalam urusan duti setem. Tindakan tersebut bertepatan dengan situasi semasa di mana negara sedang berdepan dengan pandemik COVID-19 yang telah mengubah norma sistem penyampaian perkhidmatan. LHDNM telah mengambil inisiatif memperkasa dan melaksanakan penyeteman secara dalam talian sepenuhnya melalui STAMPS untuk merealisasikan saranan kerajaan bagi menggalakkan digitalisasi dalam sistem penyampaian perkhidmatan kepada pembayar duti.

...2/-

4. Sehubungan dengan itu, maklum balas LHDNM atas cadangan penambahbaikan yang telah diusulkan oleh pihak tuan adalah seperti berikut:

- 4.1 LHDNM sentiasa memberikan komitmen yang tinggi untuk memproses permohonan penyeteman dan mengeluarkan Notis Taksiran kepada pembayar duti dalam tempoh yang ditetapkan. Pengeluaran notis taksiran bagi surat cara sekuriti dalam tempoh 14 hari seperti yang dicadangkan oleh pihak Jawatankuasa Bar Kuala Lumpur boleh dilaksanakan sekiranya permohonan dikemukakan dengan maklumat yang betul dan tepat serta dokumen sokongan yang lengkap bagi mengelakkan permohonan ditolak dan akan mengambil masa yang lebih panjang untuk diproses semula.
- 4.2 Pihak tuan boleh memilih mana-mana cawangan semasa mengemukakan permohonan penyeteman di STAMPS. Tuan boleh memilih Pejabat Setem Cawangan (PSC) / Pejabat Satelit (PS) / Pusat Khidmat Hasil (PKH) yang mempunyai jumlah permohonan penyeteman yang tidak terlalu tinggi seperti PSC / PS / PKH di luar Lembah Klang dan bayaran hendaklah dibuat secara dalam talian.
- 4.3 STAMPS telah menyediakan *dashboard* yang menunjukkan semua status terkini untuk tindakan ejen. Oleh itu, pemakluman status “permohonan ditolak” tidak akan diemel kepada pihak tuan kerana ulasan status boleh disemak pada tab log setiap nombor adjusikasi. Maklumat di *dashboard* adalah seperti berikut:
  - i. Dalam simpanan
  - ii. Permohonan Ditolak
  - iii. Sedia Untuk Bayaran Duti
- 4.4 LHDNM telah menyediakan direktori PSC / PS / PKH dengan menyenaraikan nama cawangan berserta nombor telefon yang boleh dicapai melalui pautan di halaman utama STAMPS. LHDNM juga telah memuat naik senarai nama, nombor telefon dan emel Pengurus serta Ketua Unit Duti Setem seluruh Malaysia di Portal Rasmi LHDNM di [www.hasil.gov.my](http://www.hasil.gov.my) untuk dihubungi oleh pelanggan dalam tempoh *lockdown* sahaja.

- 4.5 Permohonan yang dikemukakan hendaklah betul, tepat dan lengkap supaya tidak berlaku penolakan serta dapat diselesaikan dalam tempoh yang ditetapkan berdasarkan Piagam Pelanggan LHDNM seperti berikut:

Jenis Permohonan	Tempoh (Hari Bekerja)
Dokumen-dokumen yang dikenakan setem nominal (RM10.00)	7 Hari
Dokumen-dokumen konveyansing lain seperti Borang 14A serta Surat Ikatan Penyerahan Hak ( <i>Deed of Assignments</i> )	15 Hari
Dokumen-dokumen sekuriti	7 Hari

- 4.6 Senarai semak mengikut jenis penyeteman dalam setiap borang permohonan dan Manual Pengguna telah disediakan di STAMPS. Oleh itu maklumat yang disediakan di STAMPS adalah mencukupi untuk membantu pengguna mengisi permohonan dengan tepat, betul dan lengkap bagi mengelakkan permohonan ditolak.

Perhatian dan kerjasama pihak tuan dalam perkara ini amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

**“PRIHATIN RAKYAT : DARURAT MEMERANGI COVID-19”**

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

**“BERSAMA MEMBANGUN NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,



**[ DATUK MOHD NIZOM BIN SAIRI ]**

Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Operasi Percukaian)

Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

**HASIL**

BERSAMA MEMBANGUN NEGARA

Salinan kepada:

1. Dato' Sri Dr. Sabin bin Samitah  
Ibu Pejabat Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia  
Ketua Pegawai Eksekutif LHDNM  
Aras 18, Menara Hasil  
Persiaran Rimba Permai  
Cyber 8  
**63000 Cyberjaya, Selangor.**
  
2. En Wee Ching Hua  
**Pejabat Ketua Pegawai Eksekutif LHDNM**
  
3. Khor Tzher K'ng (Scott)  
Pegawai Kanan  
Jawatankuasa Amalan Konveyansing  
Majlis Peguam Malaysia.